

# 25 tokoh di bidang ICT hadiri mesyuarat IAP

UM - 7 SEP 2001

CYBERJAYA 6 Sept. — Mesyuarat kelima Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) bermula h a r i ini dengan mcnyaksikan kehadiran 25 tokoh terdiri daripada pemimpin syarikat dan pakar dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dunia.

Mesyuarat selama tiga hari itu, yang bcrtujuan untuk membincangkan perkembangan IT negara dan arah tuju masa depannya, dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Lapan daripada 25 tokoh yang hadir pada mesyuarat kali ini merupakan ahli panel bcrkenaan, manakala 17 lagi merupakan para wakil, termasuk beberapa nama baru dalam kepimpinan industri.

Antara ahli IAP yang hadir ialah Pcnasihat Kanan Pusat Kajian Antarabangsa dan Strategik, Diana Lady Dougan; Pengarah Urusan

Cutler & Co, Dr. Terry Cutler, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Infosys Technologies, N.R. Narayana Murthy.

Selain itu, Pengerusi Emeritus NEC Corporation, Datuk Dr. Tadahiro Sekimoto. Profcsor William F. Miller dari Universiti Stanford; Rakan Kanan Sienna Ventures, Dr. Gilbert F. Amelio; Presiden NTT Corporation. Jun-Ichiro Miyazu dan Ketua Penyelidik Sun Microsystem, Dr. John Gage.

## Wakil

Sementara itu, 17 orang wakil yang hadir ialah Naib Presiden Alcatel Asia Tenggara, Olivier Picard; Naib Presiden dan Pengarah Urusan ASEAN Computer Associates, Piti Pramotedham; Naib Presiden Eksekutif Ericsson Asia Pacific, Kjell Sorme dan Naib Presiden Eksekutif Intel Corporation, Michael Splinter.

Selain mempengerusikan me-

syuarat, Perdana Menteri yang juga Pengerusi IAP dijangka mengadakan pertemuan secara individu dengan pemimpin-pemimpin tersebut.

Mesyuarat IAP pertama telah diadakan di Palo Alto Amerika Syarikat pada tahun 1997 diikuti mesyuarat kedua pada tahun 1998, mesyuarat ketiga pada tahun 1999 dan mesyuarat keempat pada tahun lalu.

Kesemua mesyuarat, selain daripada mesyuarat pertama, diadakan di Malaysia.

Sempena mesyuarat ini juga, satu pameran Ekspo MSC-Multimedia 2001 diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) selama tiga hari bermula hari ini.

Dr. Mahathir dijangka merasmikan pameran tersebut esok.